

DOA VALET: HUKUM DAN PERBAHASAN

Abdul Halim bin Abdul Karim¹
Muhamad Mizi Azam bin Yahya, Ph.D²

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji isu valet doa yang pernah menarik perhatian dan menjadi perbincangan dalam kalangan umat Islam pada awal tahun 2017. Perkhidmatan ini dipercayai menawarkan pakej berdoa di hadapan Kaabah dengan harga-harga tertentu dengan jaminan doa tersebut adalah dimakbulkan. Sehubungan dengan itu, pakej valet doa ini telah mendapat teguran dan nasihat daripada pihak berkuasa agama seperti Jakim dan mufti-mufti kerana dikatakan mengeksplorasi agama Islam dan diarahkan supaya dihentikan serta-merta. Selain itu, kajian ini juga bermatlamatkan menghuraikan valet doa dan kesannya kepada akidah dan pemikiran umat Islam. Kajian yang dilakukan ini sepenuhnya berbentuk kajian kualitatif yang menggunakan kaedah pengumpulan data secara pemerhatian bagi mengkaji perkhidmatan doa valet yang ditawarkan menurut Islam dan hubungkaitnya dengan akidah. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa pakej valet doa yang diperkenalkan adalah bermasalah pada sudut operasi dan praktikalnya. Justeru itu, ia wajib diperbaiki dan dimurnikan daripada sebarang bentuk pelanggaran akidah dan ketidakpatuhan syariah. Kajian ini turut memuatkan cadangan kepada setiap umat Islam untuk terus memperkuuhkan lagi pegangan dan kefahaman akidah. Kajian ini turut menuntut para usahawan Muslim untuk mendapatkan nasihat atau perakuan daripada pihak berkuasa agama seperti Jabatan Mufti Negeri atau melantik penasihat syariah bagi memastikan sesuatu produk perniagaan yang ditawarkan mematuhi ketetapan hukum syarak.

Kata Kunci: *valet, doa, akidah, syariat Islam*

PENGENALAN

Doa merupakan wasilah bagi setiap insan memohon dan mengharapkan sesuatu daripada Allah SWT dan Allah SWT amat menyukai setiap hambanya yang meminta dan mengharap sesuatu padanya. Ini kerana hanya Allah SWT merupakan tempat dan sandaran yang selayaknya untuk dimohon. Hal ini dirakamkan dalam salah satu ayat daripada surah al Fatihah yang dibaca berulang kali di dalam solat. Begitu juga dalam nas-nas lain yang menunjukkan kedudukan dan kepentingan berdoa menurut Islam. Namun demikian, Nabi SAW telah menggariskan tatacara bagi berdoa agar ianya selari dengan syariat Islam.

¹ Penulis merupakan pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).

² Penulis merupakan Ketua Penolong Mufti, Jabatan Mufti Negeri Pahang.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pada awal tahun 2017, hangat dibincangkan isu berkaitan doa valet atau perkhidmatan doa. Isu ini berkaitan pakej tawaran berdoa di Masjid al-Haram Mekah oleh satu syarikat kepada umat Islam. Pakej ini menetapkan bayaran tertentu atas sesuatu permohonan berdoa yang akan di baca di Masjid al-Haram, Mekah (Berita Harian, 2017). Namun berdasarkan iklan yang tertera dalam laman sosial syarikat tersebut, terdapat beberapa perkara yang menarik perhatian umat Islam yang menyentuh persoalan akidah dan syariat Islam.

Sehubungan dengan itu, pakej valet doa ini telah mendapat kritikan, teguran dan nasihat daripada pihak berkuasa agama seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan mufti sehingga diarahkan supaya dihentikan serta-merta. Ketua Pengarah JAKIM dalam satu kenyataan rasmi mengingatkan umat Islam supaya, “*sentiasa berwaspada dan tidak terpedaya dengan individu atau pertubuhan yang menawarkan pakej khidmat valet doa (servis doa) di kota suci Makkah dengan harga tertentu termasuk harga diskauan dan sangat tidak wajar doa dijadikan produk atau perkhidmatan komersial kerana ia mempergunakan agama untuk habuan dunia dan mencemarkan kesucian agama Islam*”. (Kenyataan Media Ketua Pengarah Jakim, 2017), (Mufti Wilayah Persekutuan, 2017).

METODOLOGI KAJIAN

Berdasarkan isu perkhidmatan doa ini, maka ianya perlu dikaji secara spesifik dan terperinci bagi mengetahui kedudukan perkhidmatan ini samada ianya bertepatan dengan hukum Islam. Pengkaji menggunakan metode penyelidikan kualitatif dengan kaedah pengumpulan data secara kajian pemerhatian kepada data-data yang diperolehi merangkumi contoh iklan syarikat pengendali servis doa, pandangan dan kenyataan pihak berautoriti agama di negara ini, kitab-kitab rujukan yang berkaitan samada yang silam dan kontemporari. Data dan maklumat yang diperolehi kemudian akan dianalisis secara objektif dan holistik berpandukan akidah dan syariat Islam.

DEFINISI VALET

Menurut kamus Cambridge Dictionary, valet merupakan istilah dalam bahasa Inggeris yang bermaksud, “*someone in a hotel who cleans clothes*” atau “*someone at a hotel or restaurant who puts your car in a parking space for you*” (<https://dictionary.cambridge.org>). Manakala dalam kamus Dwibahasa Oxford Fajar, valet dertiakan sebagai “*orang gaji (lelaki) yang menjaga pakaian tuannya*”. (Joyce M. Hawkins, 1996).

Justeru itu, valet boleh difahami sebagai perkhidmatan bagi membantu atau menolong seseorang seperti membantu memarkirkan kenderaan di hotel, restoran dan sebagainya atau menjaga dan membersihkan pakaian majikannya atau tetamu di hotel. Istilah valet ini banyak digunakan dalam perhidmatan memarkir kenderaan atau *valet parking*. Namun demikian

penggunaan istilah valet semakin meluas dan komersial sehingga digunakan pula pada sudut perkhidmatan membaca doa dan dikenali sebagai *valet doa*.

Definisi Doa Menurut Bahasa

Doa mengandungi beberapa pengertian pada sudut bahasa. Menurut kamus Oxford Fajar, kalimah Doa atau دُعَاء bermaksud seruan atau permintaan seperti dalam ayat ini, دُعَاء المظلوم مستجاب atau bermaksud “*doa orang yang dizalimi diterima Allah SWT*”. (Abdul Rauf, Abdul Halim dan Khairul Amin, 2005). Selain itu, kalimah دُعَاء atau kata jamaknya أَدْعِيَة membawa maksud “*ما يُبَهَّلُ وَيُتَضَرَّعُ بِهِ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْقَوْلِ*” iaitu apa yang dikehendaki dan dipohon kepada Allah SWT menerusi perkataan (<https://www.almaany.com>).

Ibnu Manzur menyatakan, kalimah doa atau دُعَاء boleh ditemui dalam ayat 23 Surah al-Baqarah, Firman Allah SWT yang bermaksud: “*Dan panggillah orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang yang benar*”.

Ibnu Manzur menjelaskan bahawa ia bermaksud meminta pertolongan dan juga digunakan dalam ibadah sebagai doa iaitu meminta atau memohon sesuatu kepada Allah SWT seperti dalam firmanNya ayat ke-186 surah al-Baqarah yang bermaksud: “*Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu*”.

Ibnu Manzur menjelaskan lagi kalimah الدُّعَاء boleh digunakan pada tiga tujuan iaitu yang pertama ialah tauhid atau mengesakan Allah SWT seperti ayat “*يَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ*”, kedua digunakan pada tujuan memberi pujian atau “*الثَّنَاءُ عَلَيْهِ*” seperti digunakan pada ayat “*رَبِّنَا لَكَ*” dan yang ketiga ia bermaksud “*الحَظُّ مِنَ الدُّنْيَا*” atau memohon sesuatu bahagian di dunia seperti yang selalu dibacakan di dalam doa, “*اللَّهُمَّ ارْزُقْنِي مَا لَا وَلِدًا*” (Ibnu Manzur, 2003).

Menuru Ibnu Faris pula, doa bermaksud “*أَنْ تَمِيلَ الشَّيْءَ إِلَيْكَ بِصَوْتٍ وَكَلَامٍ يَكُونُ مِنْكَ*” atau memalingkan sesuatu kepada anda dengan suara dan kata (Ibnu Faris, 1999). Kamus Dewan Edisi Keempat pula mendefinisikan doa adalah permohonan atau permintaan kepada Tuhan dan kebaikan (yang dipinta) dengan restu daripada Tuhan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005).

Definisi Doa Menurut Istilah

Menurut istilah pula, doa dimaksudkan sebagai keinginan bagi para hamba bagi memperoleh pertolongan daripadaNya pada setiap urusan samada dunia dan akhirat (Salman al-Audah, 2014). Akli Ahmad pula mentakrifkan doa sebagai memohon sesuatu yang baik daripada Allah SWT atau mengharapkan sesuatu hajat daripada Allah yang Memiliki Ketinggian Darjat (Akli Ahmad, 2015). Menurut Syed Hilmi dan Che Zarina (2008) pula, berdoa merupakan wasilah bagi seseorang memohon sesuatu kebaikan dan menolak kemudaratannya. Menurut al-Qahtany (1996), berdoa merupakan permintaan seorang hamba kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh dengan memuliakan, memuji dan sebagainya.

Secara konseptualnya, doa boleh difahami sebagai satu bentuk ibadah yang disyariatkan Allah SWT bagi mewujudkan satu ruang bagi manusia meminta dan mengharapkan sesuatu perkara kepada Allah SWT dengan adab dan tatacara yang digariskan oleh al-Quran dan al-Sunnah.

Konsep Doa Menurut Islam

Seperti yang dinyatakan dalam definisi doa sebelum ini, doa menurut Islam merupakan satu bentuk ibadah yang disyariatkan Allah SWT bagi mewujudkan satu ruang bagi manusia meminta dan mengharapkan sesuatu perkara kepada Allah SWT dengan adab dan tatacara yang digariskan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Ianya sebagai salah satu wasilah untuk mendapatkan kebaikan dan menolak keburukan dengan syarat keyakinan yang tidak berbelah bagi kepada kekuasaan Allah SWT. Manakala Allah SWT amat menyukai para hambaNya yang berdoa dan sering meminta-minta sesuatu kepadaNya.

Firman Allah SWT di dalam Surah Ghafir, ayat 60 bermaksud: “Dan TuhanMu berfirman, “*Berdoalah kepadaKu, nescaya akan Ku-perkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada menyembah-Ku akan masuk neraka Jahanam dalam keadaan hin-dina*”. Ibn Kathir (1999) dalam tafsirnya membawakan penjelasan Imam Ahmad bagi menerangkan nas di atas dengan sepotong hadis Nabi SAW:

”عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ لَمْ يَدْعُ اللَّهَ عَصِبَ اللَّهَ عَلَيْهِ.“

Maksudnya: “Siapa yang tidak pernah berdoa kepada Allah Azza Wa Jalla, maka Allah murka padanya”. (Musnad Imam Ahmad, no. 9426), (Sunan Ibn Majah,Kitab al-Du'a, no. 3827)

Imam al-Thabari pula menafsirkan kalimah **وَقَالَ رَبُّكُمْ اذْعُونِي** iaitu Allah SWT adalah tuhan kepada seluruh manusia maka diperintahkan kepada semua supaya menyembah Allah SWT dengan setulusnya tanpa mensyirikanNya dengan sesuatu. Manakala kalimah **أَسْتَجِبْ لَكُمْ**

menjelaskan bahawa Allah SWT menerima doa dan permohonan daripada hambaNya, mengampunkan dan merahmatinya. Imam al-Thabari melanjutkan lagi perbahasan dengan sambungan ayat di atas iaitu *إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي* bermaksud orang yang mengagungkan dirinya sendiri daripada beribadah kepada Allah SWT dan tidak berdoa kepada Allah SWT (al-Thabari, 1994).

Maka secara jelas nas di atas menerangkan tentang tuntutan kepada umat Islam supaya berdoa kepada Allah SWT. Ini kerana Allah SWT sangat menyukai hamba-hambaNya yang meminta kepadaNya. Mereka yang tidak meminta dan berdoa kepada Allah SWT maka dikategorikan sebagai orang yang sompong dan menempah kemurkaan daripadaNya.

Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah, ayat 186 yang bermaksud: “*Dan apabila hamba-Ku bertanya padamu tentang Aku, maka (jawablah): sesungguhnya Aku amat hampir; Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu. Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku, dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik dan betul*”. (*Al-Baqarah: 186*)

Di dalam hadis pula Nabi SAW ada menyebut tentang kedudukan, kelebihan dan keistimewaan doa. Diantaranya ialah sabda Nabi SAW:

عَنْ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الدُّعَاءُ هُوَ الْعِبَادَةُ ثُمَّ قَرَأَ قَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي
أَسْتَجِبْ لَكُمْ

Maksudnya: “*Diriwayatkan daripada al-Nu'man bin Bashir daripada Rasulullah s.a.w, sabdanya: “Doa itulah ibadat.” Kemudian baginda membaca ayat: “Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu”*. (Abu Daud: 1479, al-Nasa'i (dalam al-Sunan al-Kubra), al-Tirmizi: 3247 dan Ibn Majah: 3828).

Namun demikian, bagi mereka yang berdoa perlu menerima dan mengakui sepenuhnya bahawa penerimaan sesuatu doa itu tertakluk kepada qudrat dan iradat Allah SWT. Manusia sama sekali tidak boleh menjamin atau meyakini sesuatu permohonan dan munajat itu diterima sepenuhnya. Cuma kita disarankan ketika berdoa hendaklah mengikuti tatacara, disiplin dan adab-adab yang digariskan oleh para ulama ketika berdoa. Nabi SAW bersabda:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الدُّعَاءُ مَخْ الْعِبَادَةِ .

Maksudnya:

“*Daripada Anas bin Malik RA, sesungguhnya Nabi SAW telah bersabda: Doa merupakan otak kepada ibadat*”. (Sunan Tirmizi, no.3371).

Menurut Zulkifli (2007), yang dimaksudkan doa sebagai otak kepada ibadat ialah doa yang lahir dari hati yang suci dan jauh dari kelalaian. Mereka yang berdoa hendaklah sentiasa dalam khusyuk, tawaddhuk, merasa hina dan kerdil seluruh anggota samada zahir dan batin di hadapan Allah SWT. Itulah keadaan yang terbaik dan sesuai bagi setiap hamba yang diciptakan Allah SWT. Disamping kita berdoa dengan memanfaatkan adab-adab dan waktu-waktu mustajab berdoa, kita juga seharusnya mengambil berat perkara-perkara yang menjadi faktor kepada penerimaan sesuatu doa itu. Di antaranya ialah dengan menjaga soal halal dan haram dalam kehidupan. Hal ini bersandarkan Hadis Nabi SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَئِمَّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ
 اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الرَّسُولُ فَقَالَ يَا أَئِمَّهَا الرَّسُولُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي
 تَعْمَلُونَ عَلَيْمٌ وَقَالَ يَا أَئِمَّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُّوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلُ يُطِيلُ السَّفَرَ
 أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمْدُدُ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَا رَبِّ يَا رَبِّ وَمَطْعُمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرُبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبُسُهُ حَرَامٌ وَغُنْيَ
 بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لِذَلِكَ.

Maksudnya: “Dari Abu Hurairah radhiyallahu 'anh, ia berkata: “Telah bersabda Rasulullah SAW: “Sesungguhnya Allah itu baik, tidak menerima sesuatu kecuali yang baik. Dan sesungguhnya Allah telah memerintahkan kepada orang-orang mukmin (seperti) apa yang telah diperintahkan kepada para rasul, maka Allah telah berfirman: ‘Wahai para Rasul, makanlah dari segala sesuatu yang baik dan kerjakanlah amal shalih’ .Dan Dia berfirman: “Wahai orang-orang yang beriman, makanlah dari apa-apa yang baik yang telah Kami berikan kepadamu”. Kemudian beliau menceritakan kisah seorang laki-laki yang melakukan perjalanan jauh, berambut kusut, dan berdebu menengadahkan kedua tangannya ke langit seraya berdo'a: “Wahai Tuhan, wahai Tuhan”, sedangkan makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan dikenangkan dengan makanan haram, maka bagaimana orang seperti ini dikabulkan doanya”. (Zahazan Mohamed dan Muhammad Zakaria, Huraian Hadis 40 Imam al-Nawawi, 2015).

PERBINCANGAN VALET DOA DAN HUBUNGANNYA DENGAN AKIDAH ISLAM

Prinsip Akidah Islam

Agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW menerusi wahyu al-Quran dan al-Sunnah terbina di atas tiga prinsip utama iaitu akidah, syariah dan akhlak. Akidah merupakan perkara pertama dan fundamental dalam Islam. Ia dibuktikan dengan fokus dan tumpuan utama Nabi SAW ketika berdakwah di kota Mekah selama 13 tahun (Mohd Rashidi, 2015). Menurut Mustafa al-Khin dan Muhyiddin Misto (t.t), ilmu akidah merupakan suatu ilmu yang membahaskan perkara

yang wajib dipercayai dan diimani seseorang itu dengan dalil yang sahih dan tepat. Ilmu akidah turut dikenali dengan ilmu tauhid, ilmu usuluddin, fiqh akbar dan ilmu kalam. Ilmu akidah merupakan semulia-mulia ilmu jika dibandingkan dengan ilmu yang lain.

Ia dibuktikan wahyu pertama yang yang diterima Nabi SAW adalah berkait dengan persoalan ketuhanan sepetimana firman Allah SWT yang bermaksud di dalam Surah al-‘Alaq, ayat 1: “*Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)*”.

Di antara bidang atau tajuk perbincangan ilmu akidah ialah mengesakan Allah pada sudut zat, sifat, perbuatan dan *asma'* Allah SWT. Menurut Ahmad Munawar (2014), Esa bukan sahaja bermaksud satu atau tunggal tapi juga membawa maksud bahawa Allah SWT bebas daripada sebarang bentuk perkongsian. Menurut Muhadir Joll (2018), dihukumkan fardhu ain paling awal kepada setiap mukallaf bagi mengetahui apa yang wajib, apa yang mustahil dan apa yang harus bagi Allah SWT. Sebab itu, para ulama menyusun ilmu tauhid berdasarkan pengajian Sifat 20 sebagai asas bagi membicarakan sifat-sifat yang ada pada zat Allah SWT. Diantara sifat pada zat Allah SWT ialah sifat Qudrah (Pekuasa), Iradah (Pekehendak) dan *'Ilm* (Pengetahuan).

Sifat Qudrah Allah SWT boleh difahami sebagai Allah SWT berkuasa bagi menjadikan atau meniadakan sesuatu dengan IradahNya. Sifat Iradah Allah SWT pula menentukan sesuatu dengan kemahuan, kehendak dan pemerintahanNya dan sifat Ilmu pula berkait dengan zat Allah SWT yang meliputi atau mengetahui secara meluas tentang sesuatu perkara tanpa sebarang kesamaran (Muhadir Joll, 2018). Namun sifat *'ilm* lebih meluas cakupannya berbanding qudrat dan iradah (Akli Ahmad, 2015). Justeru itu, boleh dikatakan bahawa urusan berkaitan doa, munajat, permintaan dan permohonan setiap makhluk adalah tertakluk di bawah Qudrah, Iradah dan *'Ilm* Allah SWT.

Prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah berkenaan sifat-sifat Allah SWT adalah mereka bersepakat bahawa kekuasaan Allah SWT berlaku ke atas semua yang ditakdirkan dengan QudratNya yang satu. Selain itu, Ahli Sunnah Wal Jamaah turut bersepakat bahawa kehendak Allah SWT meliputi atas segala perkara. Perkara yang berlaku atau tidak berlaku adalah menurut kehendak Allah SWT tanpa dipengaruhi mana-mana pihak. (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2016).

Pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah turut menetapkan bahawa Allah SWT tidak memerlukan pertolongan makhlukNya, tidak mengambil manfaat daripada makhlukNya dan dan tidak menolak kemudaratannya melalui makhlukNya. Maka ia merupakan bukti dan tanda kekuasaan dan kesempurnaan Allah SWT.

Jika diperhatikan kepada iklan valet doa yang dipaparkan syarikat ini, maka ia menyentuh beberapa prinsip akidah Islam yang telah diperjelaskan sebelum ini walaupun ia hanya merupakan satu bentuk perkhidmatan kiriman doa iaitu mengirimkan doa dan hajat kepada mereka yang pergi menunaikan ibadah haji dan umrah di Mekah. Doa tersebut akan dibacakan oleh wakil syarikat berkenaan di Masjidil Haram dan lokasi-lokasi tertentu sekitar Kaabah yang diiktiraf sebagai tempat yang mustajab berdoa berdasarkan hadis-hadis nabi SAW. Berdasarkan iklan yang terkandung dalam laman sosial pengendali syarikat ini, maka ada beberapa perkara yang boleh dibincangkan:

Jaminan Doa Yang Dibacakan Adalah Dimakbulkan Allah Swt

Antara persoalan yang berbangkit lagi daripada perkhidmatan valet doa ialah bentuk promosinya yang menjamin doa tersebut dimakbulkan Allah SWT. Ia sangat menyentuh persoalan akidah dan iktikad umat Islam yang menekankan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Selain itu, umat Islam selaku Ahli Sunnah Wal Jamaah wajib meyakini Allah SWT jualah yang berhak untuk disembah, diminta pertolongan dan menjadi tumpuan semua makhluk dan tidak adak sesuatu pun yang boleh menyerupai atau mengganti kekuasaan Allah SWT pada segenap perkara termasuklah urusan doa. Hal ini termasuklah tidak ada sesiapa pun yang boleh menetap, menjamin atau campur tangan dalam bidang kuasa Allah SWT dalam memperkenan atau menjamin sesuatu doa itu diterimaNya.

Firman Allah SWT di dalam Surah al-Fatihah, ayat 1 – 5 yang bermaksud: “*Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan*”.

Walaupun pengajur menyatakan ia hanya sebagai satu teknik atau strategi promosi bagi mlariskan perkhidmatan yang disediakan, namun secara tidak langsung memasuki ruang lingkup berkaitan kekuasaan Allah SWT. Ini kerana, perkara ini boleh dikatakan menyentuh hakikat dan sifat kebesaran Allah SWT yang berkait dengan salah satu *asma’nya* iaitu *al-Mujib* dan juga menyentuh sifat *Qudrah* dan *IradahNya*. Hal ini juga dibimbangi termasuk dalam perkara yang ditegah oleh Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah, ayat 41 yang bermaksud: “....*Dan janganlah pula kamu menjadikan ayat-ayatKu (sebagai harga untuk) membeli kelebihan-kelebihan yang sedikit faedahnya; dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu bertaqwa*”.

Para *mufassir* menyatakan bahawa Allah SWT melarang keras kepada manusia untuk menukar ganti iman mereka kepada Allah SWT dan Rasul dengan kenikmatan dunia kerana ianya bersifat sedikit dan tidak kekal selamanya (Ibn Kathir,1999), (al Thabari, 1994), (al-Qurtubi, t.t).

Jelas difahami dalam nas di atas bahawa valet doa termasuk dalam mengkomersialkan doa dan ia secara jelas bercanggah dengan konsep ibadah yang diperbincangkan sebelum ini iaitu

sesuatu ibadat yang dilakukan mestilah ianya berasaskan nas syarak, mengikut kepada amalan Nabi SAW dan para sahabat RA.

Memperkenan Dan Memakbulkan Adalah Bidang Kuasa Mutlak Allah Swt Al-Mujib

Al-Mujib merupakan nama Allah SWT yang ke-45 daripada 99 Nama Allah atau *Asma' al-Husna* yang bermaksud Yang Maha Mengabulkan, Yang Maha Memperkenankan, dan Menjawab segala apa yang dimohonkan kepada-Nya (Azmi Ahmad, 2013). Selain itu, seorang tokoh ulama mazhab al-Syafie iaitu Abu 'Abdullah Husain bin Al-Hasan Al-Hulaimi Al-Jurjani Asy-Syafi'i (w. 403) atau dikenali sebagai al-Hulaimi menyatakan bahawa nama *al-Mujib* juga dikenali sebagai *al-Qarib*, maka dikenali *al-Qarib al-Mujib* iaitu Yang Maha Dekat dan Maha Mengabulkan.

Al-Qarib dijelaskan sebagai Allah SWT tidak mempunyai jarak dengan hambanya, maka ia tidak mendengarkan doamu atau menyembunyikannya dan wajib bagi setiap hamba berperilaku dengan dengan penuh batasan. Manakala *al-Mujib* pula dijelaskan sebagai *Mujibat du'a*, *Mujibul Da'watil Muttarin* iaitu Yang Memberi kepada pemintaNya sesuai dengan keinginanNya di mana yang selain daripadaNya tidak mampu memberikan apa-apa (Al-Hulaimi, 1979), (Ibn Kathir, Diterjemah Oleh Zulfahmi Lubis, 2008).

Selain itu, *al-Mujib* turut dijelaskan sebagai Tuhan yang menggerakan hati dan bibir manusia supaya berdoa (Nik Abdul Aziz, 2015). Justeru itu, al-Ghazali (2003) menyatakan bahawa kemuliaan Allah SWT dengan salah satu namaNya iaitu *al-Mujib* adalah kerana Allah SWT akan menyambut permintaan orang yang meminta pertolongan dengan menolongnya, menerima doa orang yang berdoa dengan memperkenankanNya dan memenuhi keperluan hambaNya yang terdesak. Bahkan dia memberi nikmat sebelum diminta dan melimpahkan anugerah sebelum dipohon. Sehubungan dengan itu, perkara sehebat dan sebesar ini hanya dapat dilakukan oleh Allah SWT kerana hanya Dialah yang mengetahui segala urusan dan keperluan setiap hambaNya.

Firman Allah SWT di dalam Surah Hud, ayat 61 yang bermaksud: “*Sesungguhnya Tuhan ku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hambaNya*”.

Berdasarkan perbahasan para ulama silam dan kontemporari berkaitan konsep *al-Mujib* ini, maka ia boleh difahami iaitu antara nama Allah SWT yang Maha Mulia ialah *al-Qarib al-Mujib* iaitu Tuhan Yang Maha Dekat dan Maha Memakbulkan Doa para hambaNya. Tiada jarak antara Allah SWT dan setiap hambaNya dalam mendengar, menerima dan memperkenankan doa mereka. Selain itu, umat Islam juga perlu berkelakuan mulia dan beradab sopan dengan Allah SWT pada ketika memanjatkan doa dan permohonan mereka.

Selain itu, dalam isu berkaitan penerimaan dan penolakan sesuatu doa tersebut, maka seharusnya umat Islam menyedari, menginsafi dan meyakini sepenuhnya bahawa itu adalah hak

mutlak dan bidang kuasa Allah SWT menerusi sifat mulia-Nya iaitu Qudrah dan Iradahnya. Sesiapa pun tidak boleh menafikan perkara ini atau menghakis kekuasaan Allah SWT.

CADANGAN

Pendidikan

Setiap umat Islam perlu memperkemaskan dan memperkuuhkan lagi pegangan dan kefahaman akidah. Diantaranya, setiap umat Islam perlu sentiasa mengikuti dan menghadiri kelas-kelas pengajian samada di masjid, surau, institusi kerajaan dan swasta, pusat-pusat pengajian tinggi dan sebagainya khususnya yang berkaitan pengukuhan ilmu akidah Islam dan tauhid bagi memastikan pegangan akidah adalah sahih dan benar.

Ini kerana ilmu akidah merupakan ilmu yang pertama, utama serta sangat fundamental bagi umat Islam sehingga disebut *”Perkara pertama dalam agama Islam adalah mengenal Allah SWT”*. Justifikasinya adalah akidah yang sahih dan benar akan matatijahkan setiap amal ibadat yang dilakukan adalah bertepatan dengan syariat Islam. Pengajian tersebut mestilah berkitab dan bersifat *tafaqquh* bagi memastikan kefahaman yang mendalam dan membentuk kualiti yang tinggi pad setiap penuntut.

Pengajian tentang ilmu akidah Islam perlu terus diperkasakan dan diterapkan bermula daripada sistem pra sekolah dan persekolahan rendah lagi. Persoalan-persoalan asas berkaitan akidah dan tauhid seperti Rukun Islam, Rukun Iman, *Asma’ul Husna*, Sifat 20 dan sebagainya perlu diperkenalkan dan diperkuuhkan lagi. Bahkan subjek akidah hendaklah dijadikan subjek wajib pada setiap persijilan persekolahan sehingga ke peringkat universiti.

Selain itu, setiap umat Islam perlulah merujuk kepada pihak berautoriti agama seperti Jabatan Mufti Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri berkaitan sesuatu produk atau program keagamaan sebelum menyertainya. Hal ini bagi memastikan kesahihan sesuatu program ibadah yang ditawarkan kepada masyarakat awam umat Islam.

Penerbitan Pengiklanan Dan Promosi

Setiap pengusaha atau pengendali sesuatu perkhidmatan khususnya yang berkait dengan hal ehwal agama Islam perlu mengambil berat akan etika dan kesantunan dalam mempromosikan atau mengiklankan sesuatu produk yang ditawarkan. Faktor nilai kesucian dan kemulian agama Islam perlu diambil perhatian yang serius dalam menawarkan sesuatu produk samada barang atau perkhidmatan.

Penggunaan ayat-ayat dalam iklan dan promosi seperti, “*dijamin mustajab*”, “*confirm makbul cepat*” dan sebagainya perlu dihentikan dan sewajarnya ditukar kepada ayat-ayat yang lebih sesuai, menginsafi hakikat kelemahan manusia dan kekuasaan Allah SWT serta mempunyai nilai ikhtiar dan tawakal yang tinggi seperti, “*Insya-Allah semoga dipermudahkan urusan*”, “*kita*

hanya berikhtiar namun yang menentukan Allah SWT”, “*Alhamdulillah dan syukur atas rezeki yang diberikan*” dan ungkapan-ungkapan lain yang lebih sopan dan beradab apabila kita memohon sesuatu hajat kepada Allah SWT.

Menurut Noriati (2005), ungkapan Insya-Allah merupakan salah satu etika kesantunan berbahasa di kalangan orang Melayu apabila ungkapan tersebut mempamerkan kekerdilan manusia dan menggambarkan sikap merendah diri manusia apabila tidak tahu tentang perkara yang akan datang melainkan hanya dalam pengetahuan Allah Taala. Menurut beliau lagi, ungkapan *"Insya-Allah"* membuktikan hubungan yang kuat antara manusia dengan Allah SWT dan manusia tidak dapat menafikan kebesaran Allah Yang Maha Berkuaasa.

Selain itu, setiap pengusaha perkhidmatan sewajarnya mematuhi prinsip dan etika pengiklanan yang ditetapkan oleh Lembaga Piawaian Pengiklanan Malaysia seperti yang terkandung dalam Kod Amalan Periklanan Malaysia 2014. Diantara perkara yang ditekankan dalam kod etika ini ialah Prinsip Am Pengiklanan mestilah menekankan nilai kesopanan yang tidak seharusnya mengandungi kenyataan atau peragaan visual yang boleh dianggap melanggar kesopanan yang lazim di kalangan mereka yang berkemungkinan terdedah kepadanya. Selain itu, iklan mestilah menekankan nilai kejujuran. Iklan tidak seharusnya dirangka sebegitu rupa hingga boleh mengambil kesempatan di atas kekurangan pengalaman atau pengetahuan pengguna.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbahasan yang dikemukakan ini, maka pakej doa valet yang diperkenalkan adalah bermasalah pada sudut operasi dan praktikalnya. Justeru itu, ia wajib diperbaiki dan dimurnikan daripada sebarang bentuk pelanggaran akidah dan ketidakpatuhan syariah. Sewajarnya, adab dan akhlak yang tinggi kepada Allah SWT dijadikan satu penekanan kepada seluruh umat Islam. Prinsip akidah Islam secara jelas menetapkan bahawa Allah SWT Maha Pencipta, mempunyai *Asma'* dan sifat-sifat yang sempurna serta tidak perlu kepada sebarang bantuan, nasihat atau pertolongan daripada sebarang makhluk. Setiap perkara yang berlaku adalah menurut Qudrat, Iradat dan ilmu Allah SWT yang tidak dapat dijangkau atau difikirkan oleh makhluk.

Selain itu, para usahawan Muslim juga sewajarnya memilih dan menjalankan produk-produk perniagaan yang telah dipastikan kepatuhan syariahnya sebelum beroperasi. Islam tidak menghalang secara melulu sesuatu produk perniagaan tetapi mestilah iannya bertepatan dengan akidah dan syariat Islam. Para usahawan sewajarnya meminta pandangan daripada pihak berkuasa agama seperti Jabatan Mufti Negeri atau melantik penasihat syariah bagi memberi nasihat dan perakuan pada sesuatu produk perniagaan yang ingin ditawarkan seperti yang diamalkan oleh institusi perbankan Islam. Bagi umat Islam sendiri, mereka juga seharusnya bertindak bijak dan rasional dalam memilih sesuatu aplikasi ibadat. Mereka sewajarnya mengamalkan budaya bertanya terlebih dahulu kepada mereka yang berkeahlilan sebelum menggunakan sesuatu produk perkhidmatan. Hal ini selaras dengan tuntutan agama Islam seperti yang dirakamkan oleh Allah

SWT dalam surah al-Nahl ayat 43, "... Oleh itu, bertanyalah kamu kepada orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui".

Selain itu, setiap umat Islam juga seharusnya menginsafi bahawa berdoa mempunyai adab dan tatacara yang sendiri yang perlu diamalkan. Ini kerana doa merupakan sebahagian daripada ibadah. Maka ia tertakluk pada *kaifiyyat* yang dinaskan dalam hadis-hadis Nabi SAW serta yang diperjelaskan oleh para alim ulama. Walaupun ada yang tidak berkesempatan untuk pergi ke tanah suci Mekah, namun mereka boleh memanfaatkan ruang-ruang waktu mustajab seperti yang dinaskan syarak untuk bermunajat kepada Allah SWT. Harus juga diperingatkan bahawa usaha dan doa itu hendaklah berjalan seiringan serta tidak bergantung kepada doa semata-mata. Usaha yang gigih, disertakan dengan doa serta tawakal sangat disukai oleh Allah SWT.

RUJUKAN

Abdul Rauf Haji Hasan, Abdul Halim Salleh dan Khairul Amin Mohd Zain, (2005), *Kamus Oxford Fajar*, Oxford Fajar Sdn. Bhd., Shah Alam, Selangor.

Ahmad Munawar Abdul Jalil, (2014), *Bicara Akidah Menurut Al-Quran dan al-Hadith*, Anjung Kipsas Sdn. Bhd., D/A Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, KM 8 Jalan Gambang, Kuantan, Pahang.

Akli Ahmad, (2015), *Risalah Fikriyyah Menghuraikan Matan Jauharah Tauhid*, Telaga Biru Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Al Qurtubi, Abi Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Anshari, (t.t), *Jami' al Ahkam al-Quran Tafsir al Qurtubi*, Jil. 1-2, edisi tahqiq Imad Zaki dan Khairi Sa'id, Maktabah Taufiqiyah, Kaherah, Mesir.

al-Hulaimi, Abu 'Abdullah Husain bin Al-Hasan Al-Hulaimi Al-Jurjani Asy-Syafi'I, (1979), *al-Minhaj Fi Sya'bi al-Iman*, Jil.1, Dar Fikr, Lubnan.

Al-Thabari, (1994), *Jami' al-Bayan Fi Ta'wili al-Quran*, edisi tahqiq Basyar Iwadh dan 'Ishom Faris, Muassasah al-Risalah, Beirut, Lubnan.

Azmi Ahmad, (2013), *Asma'ul Husna Kenali 99 Nama Allah*, Must Read Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Dewan Bahasa dan Pustaka, (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Dawama Sdn. Bhd., Hulu Klang, Selangor.

Ibn Faris, Ahmad bin Faris bin Zakaria Abu Hussain, (1999), *Mu'jam Maqayiis al-Lughah*, Dar al-Jil, Beirut, Lubnan.

Ibn Kathir, (2008), *Penjelasan Asma'ul Husna*, Edisi Terj. Oleh Zulfahmi Lubis, Jasmin Enterprise, Berlian Publication Sdn. Bhd., Puchong, Selangor.

Ibn Kathir, Ismail bin Umar bin Kathir al Qurashi al Dimasyqi, (1999), *Tafsir al-Quran al-Azeem Tafsir Ibn Kathir edisi tahqiq Sami bin Muhammad al Salamah*, Dar Thibah, Arab Saudi.

Ibn Manzur, Abu al-Fadhl Jamaluddin Muhammad ibn Mukarram ibn Ali, (2003), *Lisanul Arab*, Dar al-Sodr, Beirut, Lubnan.

Joyce M. Hawkins, (1996), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Shah Alam, Selangor.

Lembaga Piawaian Pengiklanan Malaysia,(2014), *Kod Amalan Periklanan Malaysia*, Petaling Jaya, Selangor.

Mohd Rashidi Wahab, (2015), *Kepentingan Ilmu Akidah Sebagai Dasar Utama Islam*, Jurnal al-Sirat, Edisi 15, m/s 36-50, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang.

Mohd Zulkifli Abdul Ghani, (2007), *Adab-Adab Dalam Kehidupan Seharian*, Badan Penerangan dan Penerbitan Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir, Kaherah, Mesir.

Mustofa al-Khin dan Muhyiddin Misto, (t.t.), *al-Aqidah al-Islamiyyah Arkanuha Haqa'iquha Mufsidatuha*, edisi terjemah oleh Mohd Yusof Ahmad, et.al., Jabatan Mufti Negeri Sembilan.

Nik Abdul Aziz Nik Mat, (2015), *Asma'ul Husna Dengan NamaMu Aku Hidup*, Kemilau Publika Sdn. Bhd., Sungai Buloh, Selangor.

Noriati A. Rashid, (2005), *Nilai Kesantunan Dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu*, Jurnal Pengajian Melayu, jilid 15, m/s 232-253, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, (2016), *Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah Dalam Akidah*, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

Sa'id bin Ali bin Wahf Al-Qahtani, (1996), *Syuruth al-Du'a Wa Mawani' Ijabah Fi al-Du' al-Kitab wa al-Sunnah*, Mu'assasah al-Jarish, Riyadh, Arab Saudi.

Salman Al- Odah, (2014), *Ma'a al-Siyam*, Dar al-Salam, Kaherah, Mesir.

Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman dan Che Zarrina Sa'ari, (2008), *Kesan Kefahaman Konsep Takdir Terhadap Pembangunan Modal Insan*, Jurnal Usuluddin, Bil 27 [2008] 1-23, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Zahazan Mohamed dan Muhammad Zakaria, (2015), *Huraian Hadis 40 Imam Nawawi*, Telaga Biru Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Zulkifli Mohamad al-Bakri, (2018), *Bayan Linnas Jilid 2, Artikel Penjelasan Tentang Valet Doa*, Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd., Selangor.

BAHAN ELEKTRONIK

Jakim,(2019), al Quran dan Terjemahan,
<http://www.islam.gov.my/e-jakim/e-quran>

Jakim,(2017), *Kenyataan Media KP Jakim*,
<http://www.islam.gov.my/media-jakim/kenyataan-media>.
[https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/valet.](https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/valet)

<https://www.almaany.com/kalimah/doa>.

Zanariah Abd Mutualib, (2017), *Valet doa di Makkah cemar kesucian Islam – JAKIM*,
<https://www.bharian.com.my>.